

15/12/1999

Empat peserta mendengarkan bacaan

KUALA LUMPUR, Selasa - Empat peserta termasuk seorang qari memperdengarkan bacaan masing-masing pada malam pertama majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula malam ini.

Peserta terbabit ialah qari dari Afrika Selatan, Abduraghmaan Hussein manakala tiga qariah pula terdiri daripada Sodao Laosen (Thailand), Ma Wenming (China) dan Putri A Salacayan (Filipina).

Seramai 53 peserta mengambil bahagian yang antara lain mewakili Indonesia, Iran, Jordan, Uzbekistan, Pakistan, Brunei Darussalam, Bangladesh, Bosnia Herzegovina, Singapura, Sri Lanka, Sudan, Syria, Iraq, Oman, Republik Guinea, Vietnam, Kazakhstan, Kemboja, Kuwait, Lebanon, Libya, Maldives, Mesir, Mauritius, Myanmar, Nigeria, India, Yaman dan tuan rumah Malaysia.

Yang di-Pertuan Agong berkenan merasmikan tilawah al-Quran peringkat antarabangsa itu yang bertemakan "Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan". Hadir sama Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Datuk Mahmood, Menteri-Menteri Kabinet dan duta asing.

(END)